

Bank Dunia puji Malaysia urusan pentadbiran tanah

BH. 16/11/2017, ms. 25 + 26



Malaysia menduduki tempat ke-42 daripada 190 negara bagi kategori mudah mendaftar harta tanah dalam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018 yang dikeluarkan baru-baru ini”

Jana Kunicova,
Pakar Sektor Awam
Kanan Hab Pengetahuan
dan Penyelidikan Global
Bank Dunia di Malaysia



→ Negara di tempat ke-42 kategori mudah daftar harta tanah, lancarkan pembangunan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia mencatatkan prestasi yang baik dalam pentadbiran tanah pada peringkat dunia, malah pengalaman negara dalam urusan berkenaan boleh dicontohi negara sedang membangun lain, kata Bank Dunia.

Dalam laporan terkini Bank Dunia bertajuk Mempertingkatkan Prestasi Sektor Awam: Pengalaman Malaysia dengan Mentransformasi Pentadbiran Tanah yang dilancarkan semalam itu

memperlihatkan badan dunia itu memuji usaha dilaksanakan Malaysia berkaitan pentadbiran tanah.

Dalam laporan itu, Bank Dunia berkata, pengalaman Malaysia dalam memastikan perkhidmatan pentadbiran tanah yang berkesan meskipun berdepan struktur undang-undang dan institusi yang kompleks adalah relevan dan boleh dikongsi dengan negara sedang membangun lain dalam menguruskan sumber tanah mereka dengan lebih baik.

Pakar Sektor Awam Kanan Hab Pengetahuan dan Penyelidikan Global Bank Dunia di Malaysia, Jana Kunicova, berkata Malaysia menduduki tempat ke-42 daripada 190 negara bagi kategori mudah mendaftar harta tanah dalam Laporan Mudah Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018 yang dikeluarkan baru-baru ini.

Beliau berkata, langkah memudahkan proses mendaftar tanah dengan konsep hak milik sementara berjaya mengurangkan masa dan kos pendaftaran, sekali gus memantapkan keselamatan tempoh tanah dan melancarkan usaha pembangunan pasaran tanah rasmi.

→ **Lihat Ms.26**

Pelaburan sistem IT, data digital tingkat penyampaian

← Dari Ms.25

“Lebih 70 peratus penduduk dunia tidak mempunyai capaian kepada sistem yang baik untuk memperoleh hak pemilikan tanah.

“Namun, Malaysia mempunyai sistem pendaftaran yang mudah dengan pengenalan konsep hak milik sementara dan kemudian mempertingkatkannya kepada hak milik akhir yang mana ia mempercepatkan pendaftaran hak tanah dan merangsangkan aktiviti pasaran tanah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada pelancaran Laporan Mempertingkatkan Prestasi Sektor Awam: Pengalaman Malaysia dengan Transformasi Pentadbiran Tanah oleh Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

Pelancaran laporan itu disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Pengurus Negara

Bank Dunia bagi Malaysia, Faris Hadad-Zervos.

Cabaran perlu dihadapi mantap pentadbiran tanah

Kunicova berkata, selain itu, pelaburan dalam sistem teknologi maklumat (IT) dan data digital juga mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah di Malaysia.

Beliau berkata, pelaburan dalam sistem IT digunakan untuk menyelesaikan tanggungjawab undang-undang dan institusi yang kompleks dengan mengintegrasikan maklumat kadaster dan pendaftaran.

Bagaimanapun, Kunicova berkata, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani Malaysia dalam memantapkan lagi pentadbiran tanah termasuk mengelakkan bahagian kompleks pendaftaran tanah pusat dan negeri dan mengintegrasikan sistem data bagi menyediakan data tanah yang lengkap dan tepat kepada pengguna awam dan swasta.

Beliau berkata, jika struktur bersatu tidak wujud, adalah kritikal untuk mengukuhkan kerjasama antara agensi dan memastikan integrasi data.